

Penggunaan Strâtegi LAP dalam Pengajarân Interâksi Lisan

Norhajrillah Abdul Baki

norhajrillah_abdul_baki@moe.edu.sg

Iryianna Ahmad


iryianna_ahmad@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Kuo Chuan Presbyterian

Abstrâk

Berdasarkan ujian diagnostik yang dijalankan ke atas para pelajar, mereka didapati tidak dapat menggunakan waktu persediaan yang diberikan selama 10 minit untuk menghadapi peperiksaan lisan. Hal ini disebabkan pelajar kurang berkeupayaan untuk menggunakan maklumat yang terdapat dalam klip video tersebut. Kajian ini dijalankan untuk memantau penggunaan strategi LAP (*Listen-Analyse-PEEL*) bagi menyokong dan meningkatkan kemahiran interaksi lisan pelajar. Kajian ini juga menggunakan pendekatan Kajian Pengajaran (*Lesson Study*). Strategi LAP mengutamakan tiga komponen utama iaitu mendengar, menganalisis dan *Point-Elaborate-Example-Link* (PEEL) atau Fakta-Huraian-Contoh-Pautan. Dapatan kajian menunjukkan strategi ini dapat membantu para pelajar mengenal pasti isi utama dalam video, menyusun dan mengembangkan idea untuk memudahkan mereka menjawab soalan interaksi lisan.

Kata Kunci: LAP, kemahiran interaksi lisan, keyakinan diri, sendiri, PEEL



PENGENALAN


Bermula tahun 2016, para pelajar sekolah menengah bagi aliran Ekspres, Normal Akademik dan Normal Teknikal telah mula menduduki format peperiksaan lisan yang baharu. Perubahan tersebut dilaksanakan bagi menjalankan pembelajaran lebih autentik dan menarik bagi para pelajar. Bagi tujuan itu, Kementerian Pendidikan telah menggabungkan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dalam kaedah pembelajaran dan penilaian. Klip video telah menggantikan gambar sebagai rangsangan ujian dalam penilaian lisan. Pelajar kini memerlukan teknik baharu yang berkesan untuk mengatur idea-idea terutamanya dalam waktu persiapan iaitu selama sepuluh minit.

Melalui platform Komuniti Pembelajaran Profesional (*Professional Learning Community*), Jabatan Bahasa Ibunda Sekolah Menengah Kuo Chuan Presbyterian telah mengilhamkan sebuah teknik baharu yang dipanggil atau *Listen-Analyse-PEEL*. Teknik mendengar dan menganalisis digabungkan dengan teknik *Point-Elaborate-Example-Link*, ringkasnya PEEL atau Fakta-Huraian-Contoh-Pautan yang sering digunakan dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Gabungan kemahiran mendengar dan menganalisis amat diperlukan sebagai langkah-langkah asas yang harus dilakukan para pelajar ketika menonton klip video yang diberikan.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan ujian diagnostik dan maklum balas pelajar yang dijalankan, didapati pelajar menghadapi kesukaran menggunakan maklumat yang terdapat di dalam klip video dalam waktu persediaan iaitu selama 10 minit yang diberikan. Lantas, satu usaha Kajian Pengajaran (*Lesson Study*), menggunakan strategi LAP telah dijalankan untuk membantu pelajar.

Selain itu, pelajar juga didapati kurang berkeupayaan untuk berfikir dan mengembangkan idea dengan pantas dalam jangka masa yang singkat. Ketangkasan pelajar untuk berfikir amat penting dalam hal ini. Hal ini juga amat membimbangkan kerana sebahagian besar markah lisan dalam peperiksaan bergantung kepada komponen interaksi lisan.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menguji keberkesanan teknik LAP yang dicipta;
2. membantu pelajar menstruktur idea-idea untuk perbualan berdasarkan kandungan klip video, terutamanya dalam waktu persiapan yang diberikan; dan
3. meningkatkan keupayaan pelajar dalam ujian lisan

KAJIAN LEPAS


Berdasarkan kajian yang dibentangkan Norazisza Mohamed Taib dan Nurisha Hamid (2011) dari Sekolah Menengah Coral dalam kertas kajian mereka, Pengajaran Lisan: Perbualan Berdasarkan Gambar Dengan Menggunakan Teknik K2WS2 pada Seminar Bahasa Melayu 2011, keberkesanan teknik yang digunakan mampu membantu pelajar mengembangkan idea dengan lebih tersusun, jelas dan menarik.

Dengan itu, kaedah LAP telah digubal dengan menggabungkan teknik mendengar dan menganalisis serta PEEL untuk disesuaikan dengan format baharu ujian lisan, iaitu penggunaan klip video seminit.

Heywood (2000) menyatakan bahawa penilaian lisan ialah tugas-tugas yang direka untuk menyediakan para pelajar dengan peluang untuk membangunkan dan menunjukkan penguasaan pengetahuan mereka melalui ucapan dan persembahan.

Joughin (1998) mendapati bahawa dimensi-dimensi tertentu penilaian lisan mempunyai keupayaan untuk memberi pengaruh yang positif terhadap pembelajaran pelajar. Salah satu dimensi yang dianggap penting ialah 'struktur'. Beberapa kajian yang pernah dijalankan telah menganggap struktur sebagai dimensi yang mendasari penilaian lisan (Hill, 1984).

Dalam hal ini, jelaslah bahawa, potensi pelajar dalam penilaian lisan boleh ditingkatkan sekiranya pelajar menggunakan teknik-teknik yang membantu mereka menstrukturkan idea-idea ketika menonton video dalam waktu persiapan yang diberikan iaitu selama sepuluh minit. Ini akan sekaligus menjadikan pelajar



itu lebih bersedia untuk menghadapi soalan-soalan yang bakal ditanyakan oleh pemeriksa.

KAEDAH KAJIAN


Kajian ini menekankan penggunaan strategi pengajaran PEEL yang dikemukakan oleh Tracee Orman (2012) untuk memastikan para pelajar dapat menstrukturkan idea-idea mereka. Bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, satu tinjauan dilakukan sewaktu praujian dan pascaujian. Berdasarkan tinjauan praujian yang diperolehi, disimpulkan bahawa proses pengajaran strategi LAP harus dijalankan secara bertahap-tahap iaitu, mendengar, menganalisis dan menyusun idea berdasarkan PEEL. Hal ini demikian agar para pelajar dapat mengasah ketangkasan mereka berfikir. Begitu juga pelbagai klip video ditayangkan agar lebih banyak ruang kesempatan untuk pelajar mengaplikasikan strategi pengajaran LAP.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar Menengah 1 Ekspres dan 1 Normal Akademik yang mengambil Bahasa Melayu aliran Ekspres. Hal ini demikian atas sebab skim '*Subject Based Banding*' yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Jumlah pelajar yang terlibat ialah seramai empat orang. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan kerana peralihan pelajar daripada sekolah rendah ke sekolah menengah. Ujian yang bersifat klip video merupakan sesuatu yang baharu bagi para pelajar yang menduduki perbualan berdasarkan gambar waktu peperiksaan PSLE pada tahun 2016.

Instrumen Kajian

Para pelajar mempunyai pengetahuan asas ujian lisan dan dapat menjawab soalan lisan yang diberikan. Namun, yang menjadi keutamaan adalah memberikan jawapan yang berstruktur dan mempunyai idea yang baik. Oleh itu, pelajar diberikan kertas latihan yang berpandu untuk mencatatkan jawapan yang dibincangkan bersama pasangan. Selain itu, pelajar juga akan dinilai melalui ujian lisan yang dijalankan.



Prosedur Kajian


Kajian ini dijalankan sepanjang penggal tiga pada tahun 2017 sewaktu Projek Jawatankuasa Pembelajaran Profesional (*Professional Learning Committee – PLC*). Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan strategi pengajaran LAP sewaktu persediaan ujian interaksi lisan. Sebanyak dua putaran dengan menggunakan sampel kajian yang sama telah dijalankan. Sebagai kayu ukur keberkesanan strategi pengajaran ini, analisis data dan perbandingan markah ujian lisan telah dikumpulkan.

Sebelum berlakunya kitaran pertama, guru telah melakukan praujian bagi memastikan kebolehan pelajar menganalisis klip video yang ditayangkan. Praujian ini dijalankan sebelum berlakunya sesi pengajaran. Pelajar akan menjawab soalan-soalan yang diberikan dalam kertas latihan. Bagi kitaran pertama pula, guru akan memperkenalkan strategi pengajaran *LAP* sebelum menayangkan klip video yang kedua. Pelajar dipandu langkah demi langkah agar mereka dapat menjawab soalan yang diberikan dalam kertas latihan.

Selepas pengajaran kajian yang pertama dijalankan, guru melakukan refleksi dan mendapati bahawa ada pelajar yang tidak mampu menyelesaikan latihan yang diberikan. Pelajar juga dapati tidak selesa kerana pengajaran yang dijalankan terlalu pantas dan memerlukan lebih banyak perancangan. Maka, diubah suai rancangan pengajaran agar pelajar dapat manfaat sewaktu kitaran kedua dijalankan.

Bagi kitaran kedua, klip video yang berbeza telah digunakan sebagai bahan pengajaran. Guru sebagai fasilitator membimbing pelajar pada setiap langkah. Pertama, guru menayangkan video tanpa suara latar. Pelajar mengenal pasti senario yang diberikan dan mencatatkan idea-idea mereka. Kemudian, guru memainkan klip video sekali lagi tetapi kini bersama suara latar. Pelajar dikehendaki mengenal pasti kosa kata yang berkaitan dengan topik atau tema klip video. Pelajar dikehendaki menggunakan teknik PEEL untuk mengembangkan senario yang telah dikenal pasti.

Guru harus sentiasa menggalakkan pelajar untuk memikirkan kemungkinan yang boleh berlaku dan nilai-nilai yang dapat dipelajari melalui klip video tersebut. Guru juga sering bertanya soalan-soalan yang dapat pelajar kaitkan dengan pengalaman mereka sendiri. Pascaujian dijalankan sebaik sahaja pengajaran



putaran kedua selesai. Tujuannya untuk memantau keberkesanan strategi pengajaran LAP. Keberkesanan strategi pengajaran ini terdapat dalam analisis data yang dikumpulkan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan strategi pengajaran LAP berkesan dengan markah pelajar yang meningkat 100%. Hal ini dapat dilihat melalui ujian lisan yang dijalankan. Sebanyak 25% pelajar yang mampu mencapai markah 30 ke atas dan 75% pelajar yang mendapat markah 20 ke atas. Dalam hal ini, tiada pelajar yang gagal bahagian interaksi lisan.

Jadual 1: Taburan Markah Murid


Subjek Kajian	Markah Praujian (40 Markah)	Markah Pascaujian (40 Markah)
A	22	28
B	18	22
C	25	32
D	20	26

Guru juga amati bahawa pelajar lebih yakin apabila berhadapan dengan guru untuk diuji. Pelajar dapat memberikan sekurang-kurangnya dua idea apabila disoal dan berkebolehan untuk menceritakan idea tersebut dengan teratur dan berstruktur.

Dapatan praujian dan pascaujian menunjukkan bahawa pelajar dapat manfaat daripada strategi pengajaran LAP. Soalan-soalan yang terdapat dalam borang praujian dan pascaujian merupakan soalan yang sama. Soalan-soalan ini berbentuk *open ended* (OE) dan aneka pilihan (MCQ). Begitu juga dengan klip video yang ditayangkan merupakan klip video yang sama. Guru tidak menggunakan klip video tersebut dalam proses pengajaran.

Soalan-soalan yang diberikan adalah seperti berikut:

1. Apakah tema bagi klip video tersebut?
2. Selepas menonton klip video tersebut, saya ...
 - a) dapat mengenal pasti tema dengan betul.




- b) kurang pasti akan temanya.
 - c) seronok menonton video walaupun tanpa mengenal pasti tema.
3. Berdasarkan cerita latar video,
- a) saya tidak memberikan tumpuan kepada cerita latar.
 - b) saya tidak faham cerita latar video.
 - c) saya faham cerita latar video.
4. Selepas saya menonton video tersebut ...
- a) saya mampu membahagikan video tersebut kepada beberapa scenario.
 - b) saya kurang pasti jumlah scenario yang terdapat dalam video.
 - c) saya tidak dapat mengenal pasti scenario yang terdapat dalam video.
5. Semasa saya menonton video ...
- a) saya dapat mengaitkan video tersebut dengan pengalaman peribadi saya.
 - b) saya tidak dapat mengaitkan video dengan pengalaman peribadi saya.
 - c) saya tidak tahu video tersebut boleh berkaitan dengan pengalaman peribadi saya.

Berikut merupakan hasil pencerakinan setiap soalan borang maklum balas:

Jaduan 2 : Respons Pelajar

Soalan	Praujian		Pascaujian	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1	25%	75%	100%	0%
2(a)	25%		100%	
2(b)	50%		0%	
2(c)	25%		0%	
3(a)	0%		0%	
3(b)	0%		0%	
3(c)	100%		100%	
4(a)	25%		75%	
4(b)	0%		25%	
4(c)	75%		0%	
5(a)	75%		100%	
5(b)	25%		0%	
5(c)	0%		0%	



Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar dapat menyusun idea-idea mereka jika diberikan panduan yang bertahap-tahap. Malah mereka mampu mengenal pasti sekurang-kurangnya dua senario yang ingin ditonjolkan dalam klip video dan mengembangkan idea mereka berdasarkan senario tersebut.

Dengan bimbingan dan soalan panduan yang diajukan oleh guru, pelajar dapat mengaitkan pengalaman mereka dengan klip video yang ditayangkan. Mereka dapat berkongsi dengan yakin dalam kelas kerana tahu apa yang ingin dikatakan.

Guru juga dapat menyimpulkan bahawa strategi pengajaran LAP ini berkesan dapat membantu meningkatkan markah dan pemahaman pelajar dalam pembelajaran interaksi lisan.


KESIMPULAN

Waktu persediaan semasa peperiksaan interaksi lisan amat penting. Jika pelajar tidak dapat menggunakan masa yang diberikan dengan sewajarnya, mereka hanya menonton klip video berulang kali tanpa panduan yang khusus untuk menganalisis kandungan klip video, mendengar isi yang ingin disampaikan dan menyusun idea untuk disampaikan waktu ujian. Maka didapati bahawa strategi pengajaran *Listen-Analyse-PEEL* (LAP) ini dapat membantu para pelajar dalam masa sepuluh minit yang diberikan untuk berfikir dengan tangkas dan memberi jawapan yang komprehensif.

Dalam pengajaran interaksi lisan, satu klip video itu boleh diulang guna dalam pengajaran kerana fokus pengajaran tersebut merupakan usaha untuk membina ketangkasan pelajar berfikir. Kertas latihan yang diberikan boleh disertakan dengan soalan-soalan panduan agar pelajar dapat melakukan latihan secara berdikari selepas dipandu oleh guru. Dengan aktiviti yang bertahap-tahap dan panduan guru, lebih mudah bagi pelajar Menengah 1 menjalani peralihan daripada gambar ke klip video.

RUJUKAN

Jordon Joughin (1998). *Dimensions of oral assessment, assessment and evaluation in higher education* (Vol 23, No. 44). Education module.



Djohan Abdul Rahman dan Hezrina Johan Manikam (2016). Meningkatkan kemahiran lisan dengan pendekatan PPNPIPAK dlm Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Menjana Inovasi Memarak Inspirasi, hlm. 164-175. Pusat Bahasa Melayu Singapura: Oxford Graphic.

Norazisza Mohamed Taib dan Nurisha Hamid (2011). Pengajaran lisan: Perbualan berdasarkan gambar dengan menggunakan teknik K2WS2 dlm Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Memperkasa Guru Mempercepat Pelajar, hlm. 171-176. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

<http://www.syracusecityschools.com/tfiles/folder836/3.12%20CommonCoreWritingPEELAnchorChart.pdf>

<https://www.virtuallibrary.info/peel-paragraph-writing.html>

